

# PERTARUNGAN HEGEMONI

## DI MANAKAH KEDUDUKAN ASEAN?

Konsep hegemoni bukanlah satu konsep baharu, malahan telah pun wujud sejak zaman Greek purba lagi. Istilah ini dirujuk sebagai keupayaan pengaruh yang dominan oleh sesebuah negara ke atas negara lain. Hal ini merujuk kata dasar bahasa Latin *hegemonia*, yang membawa maksud penguasaan oleh sesebuah negara ke atas negara-negara lain dalam sejarah ketamadunan Greek lama.

**H**egemoni menjadi satu konsep penguasaan yang lahir bersama-sama visi dan misi sesebuah negara. Pihak yang cuba menguasai pihak lain melalui pengaruh hegemoni tidak mengisytiharkannya secara terbuka. Pada kebiasaannya, hal tersebut tersirat dalam dasar, khususnya dasar luar kerajaan yang memegang kuasa dalam sesebuah negara. Walaupun kepentingan nasional sewajarnya menjadi keutamaan dasar luar sesebuah kerajaan, konsep hegemoni kebiasaannya menjadi keutamaan pada ideologi kerajaan yang mengidamkan perluasan wilayah di luar batas sempadan negara.

Penguasaan sama ada secara langsung atau tidak langsung oleh sesetengah pihak ke atas pihak lain di bawah pengaruh hegemoni boleh berlaku sama ada melalui ancaman atau tidak, apabila pihak yang dominan berupaya menguasai tindakan dan pemikiran pihak yang dikuasai. Walau bagaimanapun, agak sukar untuk menamakan mana-mana negara yang sedang mengamalkan konsep ini kerana pihak yang mengamalkannya tidak mengisytiharkannya secara terbuka.

Namun begitu, dalam kerangka hubungan antarabangsa pada hari ini, adalah jelas Amerika Syarikat (AS) dan China sedang mengamalkan konsep ini.






Kedua-dua kuasa ekonomi dunia ini dijangka terus mengekalkan pengaruh hegemoni untuk tempoh tertentu, walaupun terdapat beberapa kuasa baharu yang muncul seperti Kesatuan Eropah.

Boleh dikatakan bahawa era globalisasi merupakan kesempatan bagi sebuah kuasa hegemoni untuk memenuhi cita-cita dan kepentingannya. Konsep dunia tanpa sempadan kini memberikan perspektif baharu kepada pengertian konsep hegemoni dan peluang kepada kuasa berkenaan untuk meluaskan lagi pengaruh tersebut. Kuasa hegemoni berkenaan akan menguasai dan mengenakan peraturan politik, ekonomi dan sosial mengikut kerangka tertentu seperti yang dikehendakinya. Sinergi antara kedua-dua konsep ini bertujuan tidak lain dan tidak bukan adalah untuk menguasai dunia serta lahir daripada hasrat dan cita-cita untuk muncul sebagai kuasa teragung dunia. Kuasa berkepentingan ini cuba mewujudkan kekuasaan hegemoni politik, ekonomi dan sosial melalui penjajahan secara fizikal dan mental, secara langsung dan tidak langsung supaya kuasa-kuasa yang lemah tunduk kepada kehendak mereka.

Keupayaan AS sebagai peneraju perkembangan politik dan ekonomi dunia tidak dapat disangkal berdasarkan kedudukannya sebagai sebuah negara yang unggul. Keadaan ini membolehkan AS terus menerajui sistem unipolar dunia pada hari ini dan

memegang kekuasaan hegemoni politik, ekonomi dan sosial tanpa dicabar hebat oleh kuasa lain. Kemunculan AS sebagai kuasa hegemoni terbesar ekonomi kapitalis juga menyebabkan banyak negara yang tertindas dari segi ekonomi. Pada hari ini, AS merupakan peneraju utama sistem ekonomi kapitalis dunia, terutamanya selepas runtuhnya blok ekonomi sosialis. Keupayaan modal yang besar membolehkan negara itu membangunkan industri dengan sokongan faktor pengeluaran yang mencukupi, sama ada dari dalam mahupun dari luar. AS juga mewujudkan pengaruh hegemoni tersendiri di mata negara lain lantas membolehkan negara berkenaan menindas negara luar, terutamanya negara yang kurang maju dari segi ekonomi bagi membolehkan mereka mendapatkan segala keperluan pada harga yang rendah dan kuantiti yang tinggi. Semua ini dilakukan melalui berbagai-bagai cara, termasuklah polisi perdagangan bebas, peraturan pasaran dan pakatan ekonomi dalam kalangan negara maju yang bertujuan memberikan kelebihan kepada kumpulan negara berkenaan. Sebagai contoh, kawasan perdagangan bebas Perjanjian Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA), Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA), dan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) yang dicipta untuk membolehkan kepentingan ekonomi dari segi pasaran buruh dan barangannya terpelihara. Kemunculan semula China





**Kuasa berkepentingan mewujudkan kekuasaan hegemoni politik, ekonomi dan sosial melalui penjajahan secara fizikal dan mental.**

di arena antarabangsa selepas menjalankan dasar isolasi memberikan impak yang besar terhadap negara kuasa besar yang lain. Hasrat dan aspirasi China untuk kembali menjadi sebuah kuasa hegemoni baharu terutamanya dalam aspek ekonomi bukan sahaja pada peringkat serantau, malah pada peringkat global menjadikannya sebagai negara yang digeruni oleh kuasa besar yang lain. Kejatuhan empayar Soviet Union pada tahun 1990 menyaksikan

**Keupayaan China untuk mencapai taraf sebagai sebuah kuasa hegemoni dunia tidak dapat dipertikaikan lagi memandangkan perubahan demi perubahan yang dilakukan oleh para pemimpin China dalam pelbagai aspek, termasuklah ekonomi.**

bahawa China satu-satunya negara besar tunggal yang berfahaman komunis di dunia dan berkemungkinan besar mengambil alih peranan yang dimainkan oleh Soviet Union sebelum ini. Keupayaan China untuk mencapai taraf sebagai sebuah kuasa hegemoni dunia tidak dapat dipertikaikan lagi memandangkan perubahan demi perubahan yang dilakukan oleh para pemimpin China dalam pelbagai aspek, termasuklah ekonomi.

Persoalannya kini ialah bagaimanakah ASEAN mendepani pertarungan hegemoni ini? Di manakah kedudukan Malaysia? Jika ditinjau Dasar Luar Malaysia, teras utamanya adalah untuk melindungi kedaulatan dan kepentingan negara serta menyumbang

secara bermakna ke arah masyarakat dunia yang adil dan saksama melalui perhubungan diplomasi yang efektif. Di samping itu, Malaysia akan terus melaksanakan dasar luar yang bebas, berprinsip dan pragmatik serta berasaskan nilai-nilai keamanan, kemanusiaan, keadilan dan kesaksamaan. Dasar luar negara kita dipengaruhi dan dibentuk oleh tiga faktor utama, iaitu lokasi Malaysia yang strategik di Asia Tenggara, negara perdagangan dan demografi penduduk yang unik, serta masih mengekalkan prinsip asas dasar luar sejak kemerdekaan walaupun pendekatan pelaksanaan Dasar Luar Malaysia berubah-ubah berdasarkan faktor domestik dan faktor luaran semasa. Penggubalan Dasar Luar Malaysia sentiasa berpandukan kredibiliti, konsistensi

dan kepaduan yang telah bertindak memelihara kepentingan negara.

Di bawah kepimpinan Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, Malaysia terus mempromosikan dasar luar yang pragmatik dan berwawasan supaya dapat memudahkan perdagangan, menarik pelaburan asing serta memacu Malaysia sebagai sebuah negara yang aman dan stabil. Dalam menghadapi persekitaran global yang kompleks serta hubungan antarabangsa yang semakin berkembang, pendirian Malaysia akan terus berpandukan prinsip menghormati kemerdekaan, kedaulatan, keutuhan wilayah dan sikap tidak mencampuri urusan negara lain, penyelesaian masalah secara aman, kewujudan yang pesat, secara harmoni dan hubungan yang saling memanfaatkan.




Rangkaian hubungan yang kuat pada pelbagai peringkat sememangnya penting untuk pertumbuhan yang mampan, termasuk dengan mengambil langkah aktif untuk merealisasikan pasaran ekonomi.


Baru-baru ini, Majlis Perundingan Dasar Luar Negeri (CCFP) telah mengadakan mesyuaratnya yang pertama. Kaedah ini merupakan satu daripada inisiatif penting dalam usaha untuk membentuk kerangka Dasar Luar Malaysia di bawah kerajaan yang baharu dibentuk. Inisiatif ini bukan bertujuan untuk menggubal semula Dasar Luar Malaysia, namun sebagai cara untuk memastikan penerusan perkara asas dalam pelaksanaan Dasar Luar Malaysia yang telah diamalkan sejak sekian lama. Hal ini termasuklah aspek yang berkaitan dengan kedaulatan negara serta usaha untuk mempertahankan kepentingan nasional dalam bidang politik, ekonomi dan sosial. Usaha untuk merencanakan Dasar Luar Malaysia di bawah kepimpinan baharu ini merupakan langkah yang sangat penting untuk dilaksanakan dan dicapai matlamatnya dalam usaha memastikan kelangsungan Malaysia di pentas serantau dan antarabangsa tidak terbantut.

Usaha untuk memperkasakan hubungan serantau sememangnya penting. Oleh itu, keutamaan terus diberikan kepada ASEAN yang merupakan teras kepada Dasar Luar Malaysia dengan menyokong dasar “memakmurkan jiran” yang bertujuan untuk terus meningkatkan hubungan dan kerjasama ekonomi dengan negara jiran melalui rangka kerja yang diwujudkan seperti Brunei-Indonesia-Malaysia-Phillippines East ASEAN Growth Area (BIMP-EAGA) dan Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle (IMTGT).

Rantau Asia Tenggara merupakan rantau yang sangat istimewa dalam Dasar Luar Malaysia. Keunikan ini bukan hanya disebabkan oleh faktor sejarah yang mendasari hubungan tersebut, malah turut disumbangkan oleh beberapa faktor lain, antaranya termasuklah kepentingan geostrategik, faktor kedekatan dan beberapa faktor lain yang menjadikan hubungan ini bertambah istimewa. Malaysia tidak hanya terlibat secara aktif dalam kerjasama dengan negara di Asia Tenggara, namun pada masa yang sama, Malaysia sangat sensitif terhadap sebarang perkembangan yang berlaku di negara jiran terbabit.

Sepanjang tempoh 35 tahun penubuhan ASEAN, bidang kerjasama ekonomi negara rantau tersebut semakin kukuh dalam kalangan ahlinya. ASEAN bukan sahaja memperlihatkan pembangunan yang pesat, malah mencatatkan banyak kemajuan yang berpotensi besar untuk meningkatkan pertumbuhan sosioekonomi dalam kalangan negara anggotanya. Bermula dengan lima buah negara asal di awal penubuhannya dengan ekonomi yang terpisah, kini telah berkembang dengan merangkumi 10 ekonomi yang berintegrasi rapat dalam bentuk pasaran tunggal serantau yang luas,





**Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob semasa berucap dalam Persidangan ASEAN yang diadakan secara maya.**

maju dan berpotensi menjadi pusat pertumbuhan serantau yang penting dalam dunia, iaitu dengan tertubuhnya Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN. Namun begitu, di sebalik kecemerlangan ekonomi yang boleh dibanggakan, hal tersebut perlu sentiasa bergerak serta berusaha untuk menjalinkan hubungan yang lebih rapat dengan negara kuasa besar ekonomi dunia. Di samping itu, pendekatan keselamatan juga perlu dititikberatkan oleh negara ASEAN memandangkan rantau tersebut berpotensi besar untuk mengalami konflik dalaman yang lebih serius seterusnya akan melenyapkan keyakinan para pelabur asing untuk terus menanam modal di rantau tersebut. Kestabilan yang berterusan di rantau tersebut akan mengurangkan tanggapan bahawa rantau berkenaan berisiko tinggi untuk melakukan pelaburan.

Penubuhan ASEAN masih relevan dengan perkembangan semasa, terutamanya dalam mengimbangi pengaruh kuasa besar dunia. Dalam kalangan blok negara serantau di dunia, ASEAN antara yang masih "hidup" dan terus makmur, sekali gus memberikan impak positif kepada 10 buah negara anggotanya. Hubungan dalam kalangan negara anggotanya perlu diperkukuh bagi memastikannya kekal aktif dan mampu mendepani cabaran yang diwujudkan oleh kuasa besar dunia. Kesepakatan dalam kalangan negara anggotanya menjadi asas kekuatan ASEAN supaya menjadi tumpuan pada peringkat global, khususnya bagi mengimbangi pengaruh kuasa besar dunia. Berbanding dengan kumpulan negara serantau lain, ASEAN bukan sahaja dapat bekerjasama, malah tiada masalah dalam kalangan negara anggotanya. Inilah yang menjadi kelebihan kepada ASEAN sehingga dikagumi oleh kuasa besar dunia, bahkan

gabungan ASEAN perlu kekal bagi membantu negara anggotanya mendepani sebarang situasi sukar yang berlaku susulan perang dagang membabitkan kuasa besar dunia seperti China dan AS.

Dengan pasaran yang luas dan jumlah penduduk melebihi 650 juta orang, ASEAN perlu terus menyediakan persekitaran yang kondusif untuk para pelabur menanam modal. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap negara ASEAN mempunyai keistimewaannya yang tersendiri dan prinsip kerjasama ASEAN yang erat menjadikannya rantau yang berpotensi besar di arena antarabangsa. Jika dilihat dari segi penguasaan ekonomi, ASEAN berada pada kedudukan kelima terbesar. Situasi ini menunjukkan signifikannya rantau ASEAN secara global. Jika digabungkan, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) ASEAN ialah 3.4 peratus daripada KDNK global. Secara keseluruhan, ekonomi rantau ini dijangka berkembang dengan purata 5.2 peratus setahun hingga tahun 2025. Sektor pembuatan merupakan "jantung" bagi blok ekonomi ASEAN. Sektor ini mewakili lebih kurang 20 peratus daripada KDNK ASEAN dan merupakan pemacu utama pertumbuhan dan persaingan di rantau ini. Pada ketika ini, ASEAN menjadi antara pasaran yang terbesar dan mempunyai tenaga kerja ketiga terbesar di dunia. Kepentingan blok ini sebagai hab sektor pembuatan global menguatkan lagi kesan daripada konflik perdagangan AS-China.

Di manakah kedudukan Malaysia kini dalam kalangan ekonomi ASEAN yang dianggotai oleh 10 negara, iaitu Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan

Vietnam? Realitinya, saiz ekonomi berdasarkan KDNK Malaysia berada di tangga keempat terbesar dan agak membimbangkan ialah kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia yang hanya berada di tangga ketujuh. Penurunan ini jelas menunjukkan tahap keupayaan pembangunan Malaysia berbanding dengan negara jiran lain. Walaupun pada masa ini Malaysia masih dipandang tinggi dari segi pembangunan ekonomi, hal tersebut dijangka tidak akan kekal berdasarkan pertumbuhan pesat ekonomi Vietnam dan Filipina. Untuk rekod, dalam blok ASEAN, Indonesia mempunyai jumlah hasil pembuatan terbesar dengan kebanyakannya dalam industri makanan dan minuman. Sektor automatik pula menjadi sektor utama di Thailand dengan 50 peratus pelaburan langsung asing. Selain itu, Vietnam menguatkan kedudukannya sebagai hab global telefon bimbit, manakala Malaysia pula mewakili pembuat semikonduktor terbesar.

Persaingan merebut dominasi dan memperluas hegemoni antara AS dengan China sudah tentu membawa kerosakan struktur antarabangsa, serta kegagalan diplomasi konstruktif antara negara. Hal ini diburukkan lagi apabila AS kembali ingin melibatkan diri dalam hal ehwal negara ASEAN, dengan mengekori rapat usaha yang dilakukan oleh China sejak dekad lalu melalui penyertaan dalam pakatan multilateral EAEC (East Asia Economic Caucus), Asean +1 dan Asean +3. China yang kini menjadi kuasa besar di rantau Asia tanpa sebarang pencabar membuatkan AS cemburu dan ingin kembali menguasai rantau ASEAN dan Asia Timur selepas hampir sedekad jauh ditinggalkan oleh China. Dasar Luar China yang kelihatan bijak sepanjang tempoh itu, membuatkan negara yang mempunyai hubungan bilateral atau lebih mudah disebut sebagai negara proksi AS seperti Singapura, Filipina dan Thailand memikirkan semula hubungan mereka dengan China.

Oleh hal yang demikian, ASEAN perlu berjaya memastikan mereka tidak berpihak kepada kedua-dua kuasa besar ini melalui Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM). Persoalannya, adakah ASEAN sekarang mampu menjaga “kebebasan” untuk tidak berpihak kepada mana-mana kuasa besar yang terbabit dalam persaingan hegemoni ini? Atau adakah ASEAN akan terpengaruh dengan “momokan”

sebagai aktor penstabil oleh mana-mana kuasa besar yang berkepentingan ini? Adakah ASEAN mampu untuk terus mencipta kestabilan geopolitik di rantau ini? Mampukah ASEAN meleraikan isu pencerobohan Laut China Selatan yang dijadikan platform untuk menyertai pihak tertentu?

Sesungguhnya apabila melibatkan kuasa besar dunia, hal tersebut memerlukan pendekatan bak kata pepatah “menarik rambut dalam tepung, rambut tidak putus dan tepung tidak berselerak”. Rantau ASEAN tidak mungkin bersedia untuk kehilangan perdagangan dengan dua kuasa besar dunia ini. Jumlah pelaburan langsung asing ke ASEAN dari tahun 2013 hingga 2018 oleh AS dan China masing-masing ialah A.S.\$87 bilion dan A.S.\$52 bilion, manakala China pula merupakan pelabur asing terbesar di Kemboja, Laos, Malaysia dan Myanmar serta merupakan pelabur asing kedua terbesar di Singapura dan Vietnam. Bagi Malaysia pula, China kekal sebagai rakan dagangan terbesar Malaysia bagi sembilan tahun berturut-turut serta menyumbang 13.5 peratus atau RM126 bilion kepada jumlah eksport pada tahun 2019. AS pula menjadi destinasi eksport ketiga terbesar yang menyumbang 9.5 peratus atau RM88.7 bilion kepada jumlah eksport negara pada tahun yang sama.

Kebergantungan sebahagian negara ASEAN terhadap bantuan kewangan, ekonomi dan pelaburan dalam projek pembinaan infrastruktur menyulitkan negara Asia Tenggara untuk menganggap China sebagai musuh utama. Oleh sebab itu, pada saat ini, negara Asia Tenggara berada dalam keadaan dilema, sama ada berpihak kepada China atau AS.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa potensi konflik membabitkan negara kuasa besar ini tentunya akan membawa ancaman terhadap kestabilan geopolitik dan perdamaian di rantau Asia Tenggara, sama ada secara langsung ataupun tidak langsung. Persoalannya, sejauh manakah ASEAN mampu memperhalus setiap keputusan dasar luarnya untuk kebaikan rakyat, negara dan rantau ini? Mampukah ASEAN merealisasikan potensinya sebagai “Harimau Asia Tenggara” dan berdiri sama gah dengan “Harimau Asia” - Hong Kong, Korea Selatan dan Taiwan di sebalik konflik antara kedua-dua negara tersebut? □

